

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6 BILANGAN 12.

BANDAR BRUNEI, Rabu, 21 June, 1961 (8 Muharram 1381).

PERCHUMA.

HARI JADI BAGINDA QUEEN:

Sambutan² di-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Negeri Brunei telah menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth yang ke-dua dengan mengadakan istiadat² berbaris di-Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 10 June dan di-Kuala Belait pada petang hari itu.

Istiadat berbaris di-Bandar Brunei telah di-adakan di-Jalan Elizabeth yang kedua berhadapan bangunan Pejabat² Kerajaan, manakala istiadat berbaris di-Kuala Belait telah di-adakan di-padang Kuala Belait Recreation Club.

Yang Terutama Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei telah memereksa barisan² kehormatan di-kedua² istiadat tersebut. Di-tiap² istiadat tersebut di-adakan tembak kehormatan sa-banyak 21 kali.

Pada hari itu empat istiadat² minum untuk memberi selamat kepada Baginda Queen telah di-adakan. Dua daripada-nya di-adakan di-Bandar Brunei dan dua lagi di-Daerah Belait.

Pasokan² Polis Brunei, Pengakap, Pandu Puteri, Palang Merah, Jabatan Laut, Kastam Diraja dan Pancharagam Polis Brunei telah mengambil bahagian dalam istiadat berbaris di-Bandar Brunei.

MENYAMPAIKAN PINGAT

Istiadat itu di-mulai dengan ketibaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei serta diikuti oleh Yang Terutama Tuan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Pada masa dilangsungkan istiadat tersebut Yang Terutama Tuan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris telah menyampaikan pingat "Colonial Police Medal" kepada A.S.P. Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, O.C.P.D. Brunei dan pingat "British Empire Medal" kepada Kapitan Awang bin Dollah dari Jabatan Laut, Brunei.

Sa-lepas di-adakan istiadat berbaris itu, semua orang yang mengambil bahagian dalam istiadat itu telah berjalan menuju ka-kawasan Ibu Pejabat Polis.



Tuan D.C. White, P.J.T. Inggeris di-Brunei kelihatan dalam gambar ini pada masa istiadat minum untuk memberi selamat kepada Baginda Queen di-kawasan rumah P.J.T. Di-seluruh Tuan White ia-lah Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha.

Kemudian di-adakan istiadat minum untuk memberi selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di-kedai makan pegawai² dan anggota² Polis dengan di-dahului oleh Tuan A.N. Outram, Pesuruh Jaya Polis Brunei.

Di-antara pukul 10 dan 11.30 pagi hari itu kira² 300 orang lelaki dan perempuan dari berbagai² bangsa telah melawat ka-rumah Pesuruh Jaya Tinggi.

Tiap² orang yang hadir telah di-sambut oleh beliau itu (Lihat Muka 5)

LAWATAN AGONG

BANDAR BRUNEI. — Duli² Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, Persekutuan Tanah Melayu akan melawat ka-Negeri Brunei sa-chara rasmi sa-lama lima hari mulai dari 1 July akan datang.

Duli² Yang Maha Mulia itu akan tiba di-Brunei dengan kapal terbang pada pukul 12 tengah hari 1 July dan berangkat balek ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada pagi 5 July. Demikian menurut satu puncha yang rasmi.

SEMINAR PEMUDA-PEMUDI

BANDAR BRUNEI. — Enam orang pemuda-pemudi dari Negeri Brunei akan di-pilih untuk menghadiri Seminar Pemuda Pemudi di-Persekutuan Tanah Melayu bulan hadapan.

Seminar itu akan di-adakan di-Kuala Lumpur mulai dari 10 July hingga 17 July.

Para perwakilan yang menghadiri seminar tersebut akan mengkaji beberapa perkara yang bersangkut paut dengan kemasharakatan.

Di-antara perkara² tersebut ia-lah berkenaan dengan kewajipan² pemuda-pemudi dalam hal ehwal perkembangan kawasan² luar bandar.

Hingga ka-sa'at membuat berita ini, PELITA BRUNEI belum-lah mendapat tahu nama wakil² dari negeri ini yang akan menghadiri seminar tersebut.

Bagaimana pun, menurut satu puncha yang rasmi, empat orang akan di-pilih oleh Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei dan dua orang lagi oleh "Belait Service Youth Council."



Dua pemandangan istiadat memereksa Barisan Kehormatan sambutan Hari Jadi Baginda Queen oleh Tuan D.C. White P.J.T. Inggeris di-Brunei yang memakai pakaian putih. Di-kiri ia-lah di-Bandar Brunei dan di-kanan ia-lah di-Kuala Belait. Gambar tengah ia-lah Kapitan Awang bin Dollah menerima pingat B.E.M. di-istiadat tersebut. A.S.P. Pengiran Jaya O.C.P.D. Brunei yang menerima pingat C.P.M. kelihatan di-seluruh Tuan White dalam gambar kiri.

Pertandingan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan akhir bachaan Al-Koran untuk memilih johan2 sa-negeri ini akan di-langsungkan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Jumaat 23 June mulai dari pukul 2.30 petang.

Pertandingan itu di-adakan untuk menyambut Tahun Baru Hijrah 1381 dan di-bahagikan kepada empat bahagian, iaitu lelaki dewasa, perempuan dewasa, kanak2 lelaki dan kanak2 perempuan.

Johan tiap2 bahagian tersebut dari Daerah2 Temburong, Brunei, Tutong, Seria dan Belait akan mewakili daerah masing2 dalam pertandingan akhir bachaan Al-Koran di-sini pada petang hari Jumaat hadapan.

Pertandingan bachaan Al-Koran untuk memilih wakil2 dari daerah2 tersebut sudah pun di-selesaikan baharu2 ini, dengan mendapat kejayaan yang besar.

Tidak kurang daripada 100 orang qari dan qariah telah masuk bertanding dalam pertandingan bachaan kitab suci di-Mesjid Omar Ali Saifuddin

pada hari Jumaat yang lalu.

Pertandingan itu di-adakan di-bawah anjuran Persatuan Kesatuan Islam, Brunei mulai dari 9 pagi ka-pukul 5.45 petang.

Hakim2 pertandingan tersebut ialah Yang Di-muliakan Bagawan Khatib Haji Metali—bahagian tajwid, Yang Mulia Inche Mohamed Yassin bin Mahmud—bahagian mokhrij dan Yang Mulia Tuan Haji Khalidi bin Haji Abdul Karim—bahagian lagu dan suara.

Hadiah2 kepada qari2 dan qariah2 yang menjadi johan, naib johan dan mendapat gelaran yang ketiga dalam baha-

gian2 lelaki dewasa, perempuan dewasa, kanak2 lelaki dan kanak2 perempuan telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Mohamed Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Pengetua, Pegawai Hal Ahwal Ugama, Brunei.

YANG BERJAYA

Qari2 dan qariah2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut adalah seperti di-bawah ini:

Bahagian lelaki dewasa: 1. Awang Mohin bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong dari Kampong Sungai Kedayan, Kampong Ayer, Brunei — mendapat 258 markah. 2. Pengiran Mohidi bin Pengiran Omar dari Kampong Sungai Kianggeh, Brunei — mendapat 255 markah. 3. Inche Ahmad bin Daud dari Kampong Lorong Sikuna, Kampong Ayer, Brunei 251 markah.

Bahagian perempuan dewasa: 1. Puan Noraini binti Haji Adnan dari Kampong Burong Pingai, Berakas — mendapat 241 markah. 2. Puan Aisah binti Haji Adnan, saudara Puan Noraini, dari Kampong Burong Pingai, Berakas — mendapat 238 markah. 3. Dayang Masnah binti Awang Abdul Ghafar juga dari Kampong Burong Pingai, Berakas — mendapat 237 markah.

Bahagian kanak2 lelaki: 1. Ah-

mad bin Haji Bakar dari Sekolah Melayu Lela Menchanai, Kampong Ayer, Brunei — mendapat 241 markah. 2. Wahab bin Junid dari Kampong Khatib Sulaiman, Kampong Ayer, Brunei — mendapat 240 markah. 3. Wasli bin Haji Bakar dari Sekolah Melayu Lela Menchanai, Kampong Ayer, Brunei — mendapat 234 markah.

KANAK2 PEREMPUAN

Bahagian kanak2 perempuan:

1. Hajjah Zainab binti Haji Salleh dari Kampong Sumbiling, Brunei — mendapat 235 markah. 2. Aisah binti Sabtu dari Kampong Kiarong, Brunei — mendapat 231 markah. 3. Aisah binti Siraj dari Kampong Burong Pingai Baru, Berakas, Brunei — mendapat 226 markah.

Pemenang2 pertandingan bachaan Al-Koran Daerah Tutong ialah:

Bahagian lelaki dewasa: 1. Inche Abdul Hamid bin Tali-pudin. 2. Tuan Haji Abdul Hamid bin Metassan. 3. Inche Zubaidee bin Haji Yasin.

Bahagian perempuan dewasa, 1. Puan Mordiah binti Haji Yasin. 2. Puan Mariam Abdul Hamid. 3. Puan Rubiah Haji Jawi.

Bahagian kanak2 lelaki: 1. Wasli bin Ibrahim. 2. Rosli bin Janai. 3. Mohamed Ali bin Abdul Hamid.

Bahagian kanak2 perempuan: 1. Maisalamah binti Tunggal. 2. Fatimah binti Haji Jajawi. 3. Mastura binti Masri.

Hadiah2 kepada peserta2 tersebut di-sampaikan oleh Inche Ishak bin Adam, Kadhi, Tutong.

PERMOHONAN KA-MEKAH TAHUN HADAPAN

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Brunei telah mengeluarkan surat keliling kepada Ketua2 Pejabat Kerajaan di-seluruh negeri ini mengandungi peratoran2 yang di-kenakan kepada semua permohonan yang meminta bantuan Kerajaan untuk menunaikan fardzu Haji.

Peratoran2 yang baharu itu ada-lah berkuat kuasa mulai dari 1 January tahun ini.

Menurut peratoran2 tersebut hanya sa-kali sahaja sa-panjang masa perkhidmatan sa-sorang pegawai, sa-orang kaki-tangan Kerajaan yang beragama Islam yang memegang jawatan tetap boleh—apabila di-beri chuti untuk menunaikan fardzu haji ka-Mekah—di-beri juga tambang pergi balek ka-Medina dengan perbelanjaan Kerajaan atau pengurniaan wang tunai yang tidak lebih dari \$1,400 bagi tiap2 sa-orang.

Pengurniaan itu ada-lah ter-ta'alok kepada syarat2 yang berikut:

- ◆ Orang yang memohon chuti dan pengurniaan itu telah sempurna berkhidmat terus menerus dan dengan ta'at setia dengan Kerajaan Brunei sa-lama tidak kurang dari 12 tahun.
- ◆ Orang yang memohon itu belum pernah pergi ka-Mekah dan tidak pernah menunaikan fardzu haji pada sa-barang masa dari semenjak ia-nya menchapai umur akil baligh.
- ◆ Orang yang memohon chuti dan pengurniaan yang telah sempurna berkhidmat terus menerus dan dengan ta'at setia dengan Kerajaan Brunei sa-lama tidak kurang dari 15 tahun boleh di-beri satu pengurniaan wang tunai yang sama banyak-nya atau pun tambang percuti bagi sa-orang isteri atau suami untuk trsaing de-

ngan pegawai lelaki atau perempuan itu, dengan syarat bahawa pengurniaan wang tunai atau tambang tidak akan di-beri bagi pelayaran pergi balek ka-Mekah kepada sesiapa yang telah melawat Mekah dan menunaikan fardzu haji pada bila2 masa dari semenjak ia-nya menchapai umur akil baligh.

- ◆ Jumlah bilangan pengurniaan tersebut pada tiap2 tahun tidak akan lebih dari sa-puluh ia-itu tidak termasuk isteri2 melainkan dengan khas-nya di-benarkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Majlis Mesuarat.
- ◆ Permohonan dari Pegawai Kerajaan Brunei yang telah bersara untuk mendapat bantuan kerana menunaikan fardzu haji ka-Mekah dalam tempoh tiga tahun dari tarikh ia mulai bersara boleh di-beri bantuan wang tunai dengan syarat ia belum pernah pergi ka-Mekah dan tidak pernah menunaikan fardzu haji pada sa-barang masa dari semenjak ia-nya menchapai umur akil baligh.

Surat keliling tersebut dari Setia Usaha Kerajaan menambah kata bahawa permohonan2 tiada boleh di-hantar oleh Ketua2 Pejabat kepada Setia Usaha Kerajaan melainkan permohonan2 memenohi syarat2 yang di-nyatakan di-atas.

BALEK DARI MEKAH

BANDAR BRUNEI. — Enam orang jema'ah2 Haji dari Negeri Brunei telah selamat balek ka-negeri ini dari Tanah Suchi baharu2 ini.

Beliau2 itu ia-lah Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan isteri — Datin Hajjah Salmah; Yang Berhormat Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji

Omar dan Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim. Semuanya telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari Tanah Suchi melalui Singapura.

Dua orang lagi ia-itu Inspektor Haji Mohamed bin Salleh dan isteri, telah tiba di-Singapura dengan kapal Anshun pada 13 June dan telah balek ka-Brunei dari sana dengan kapal terbang pada hari Jumaat yang lalu.



Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Penerangan Negara Brunei (memakai songkok dan ber-kacha mata hitam) kelihatan pada masa ketibaan dari Mekah di-lapangan terbang Brunei baharu2 ini.

LAWATAN AGONG:

Peraduan Perarakan Darat

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan perarakan darat akan di-adakan pada masa lawatan muhibbah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ka-Brunei pada awal bulan hadapan.

Peraduan itu di-bahagikan kepada dua bahagian, ia-itu perarakan tanglong berjalan kaki dan perarakan kereta berhias.

Perarakan tanglong berjalan kaki itu ada-lah terbuka kepada bahagian2 (a) Murid2 lelaki Sekolah2 rendah, (b) Murid2 perempuan (c) Penuntut2 maktab dan sekolah2 menengah dan (d) orang2 ramai.

Perarakan kereta berhias pula ada-lah terbuka kepada ramai, ia-itu Kampong2, Pejabat2, Sharikat2 Perniagaan, Persekutuan2 Sekolah2 dan lain2-nya.

Sharat2 Peraduan Perarakan Tanglong Berjalan kaki ada-lah seperti di-bawah ini:

1. Perarakan ini tidak boleh menggunakan sebarang keenderaan.
2. Tiap2 satu pasukan, peserta-nya mesti-lah tidak kurang dari 30 orang.
3. Tanglong mesti-lah di-nyalakan dengan menggunakan lilin atau Ogan (tidak boleh menggunakan Electric/Battery atau lampu gas).
4. Tiap2 pasukan boleh membawa 1 kepala Perarakan dan 1 Chogan kata saja.
5. Tiap2 pasukan mesti-lah

bersedia (berkumpul) di-Jalan Elizabeth II dekat Masjid sebelum jam 7.00 malam pada 2 July, 1961.

Sharat2 Peraduan Perarakan Kereta Berhias ia-lah:

1. Perarakan ini mesti-lah dari jenis kereta yang di-hias.
2. Perarakan mesti-lah tingginya tidak lebih dari 10 kaki dan lebar-nya 8 kaki.
3. Tiap2 pasukan hendak-lah bersedia (berkumpul) di-Jalan Berakas-Muara (dekat simpang jalan ka-padang Kapal Terbang), pada 1 July, 1961 sa-belum jam 11.00 tengah hari — kerana akan mengikut kereta kenaikan

DYMM. Setia Paduka YDA, mengelilingi bandar pada hari ketibaan-nya itu.

Permohonan2 untuk masuk dalam peraduan2 tersebut di-atas, mesti-lah menggunakan borang yang di-buat oleh Badan Jawatan Kuasa Peraduan ini dan berhubung ka-alamat: Awangku Abbas P.H. Besar, Setia Usaha, Jawatan Kuasa Perarakan Darat, di-Pejabat Penerangan, Bandar Brunei, salewat2-nya pada 25 June, 1961.

LAWATAN WARTAWAN AUSTRALIA

BANDAR BRUNEI. — Inche Harold Brokenshire, sa-orang wartawan dari Surohan Jaya Australia bertempat di-Singapura telah melawat ka-Brunei baharu2 ini.

Beliau telah tiba di-sini sa-telah melawat ka-beberapa tempat dalam Negeri Sarawak dan telah pun balek ka-Singapura.

Dalam masa yang singkat Inche Brokenshire berada di-negeri ini, beliau telah bertemu dengan Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid Pemangku Pegawai Penerangan Negara, Brunei serta beberapa orang yang lain dan juga melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin.

PANGGILAN KULI TERHADAP KAUM BUROH HENDAK-LAH.....

BANDAR BRUNEI.—Sangat-lah mendukachitakan dan menyedihkan kita kerana pada masa ini masih ada lagi orang2 yang menggunakan panggilan kuli terhadap kaum buroh. Demikian kata Inche A. A. Hapidz Laksanama, Setia Usaha Agong Barisan Buroh Bersatu Brunei.

Inche Hapidz telah menyatakan demikian dalam ucapan-nya di-majlis sambutan Hari Ulang Tahun Pertama 4B, Brunei di-sini sedikit hari dahulu.

"Kuli itu ada-lah panggilan yang terlampau rendah dan hina terhadap sa-saorang kaum buroh, yang memberikan pengertian buroh paksa atau hamba

tebusan", kata Inche Hapidz.

Dengan hal yang sademikian, Inche Hapidz minta supaya panggilan kuli terhadap sa-saorang buroh itu hendak-lah dihapuskan dan tidak sa-harus-nya di-gunakan lagi.

Perkataan kuli itu hendak-lah di-gantikan dengan perkataan pekerja atau buroh, kata-nya.



Tuan H.L. Spence (tengah) bergambar dengan Inche Sa'ad bin Marzuki (kanan) dan Doktor J.S. Gould (kiri) di-bilik tetamu2 agong, lapangan terbang Brunei pada masa Tuan Spence tiba di-Brunei baharu ini.

Wakil Bangsa2 Bersatu Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Tuan H. L. Spence, Wakil Lembaga Teknikal Bangsa2 Bersatu bagi kawasan Tenggara Asia telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan-nya sa-chara rasmi ka-Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Beliau telah di-temui di-lapangan terbang Brunei ketika tiba dari Singapura oleh Inche Sa'ad bin Marzuki, Setia Usaha Perkembangan Negara, Brunei dan Doktor J. S. Gould, Penasehat Ekonomik Bangsa2 Bersatu yang pada masa ini sedang berkhidmat di-Brunei.

Tuan Spence telah berada di-negeri ini sa-lama empat hari. Dalam masa itu beliau telah mengadakan pertemuan2 dengan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Setia Usaha Kerajaan Brunei dan dengan beberapa orang pegawai2 kanan Kerajaan.

Beliau juga telah melawat ka-kawasan telaga2 minyak Sharikat Brunei Shell di-Seria dan lain2 tempat yang mustahak dalam negeri ini dalam masa yang singkat ia berada di-Brunei.



Tujuh orang anggota2 dari Pejabat Ukur Brunei kelihatan dalam gambar ini di-lapangan terbang Brunei sa-belum berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini untuk berlatih di-sana. Dari kiri Inche Md. Taib, Inche Mat Yassin, A. Puteh, Inche A. Wahab, Pg. Saifudin, A. Majid dan Inche Othman. Inche Yassin berlatih sa-lama 1-bulan dan lain-nya 3-bulan.

HALAMAN PERTANIAN:

PERUSAHAAN MENANAM SA YOR2AN

Inche Hanafi sa-terus-nya menulis:

Perusahaan menanam sa-yor2an ada-lah senang dan mudah di-perbuat serta cepat mendapat hasil. Di-perchayai ada di-antara penduduk2 negeri ini telah membuat dan mengerjakan perusahaan tersebut.

Untuk padoman kepada penduduk2 negeri ini khas-nya kepada kaum tani, maka ini-lah di-terangkan satu peratoran yang sempurna dan terator dari memilih tapak perkebunan sa-hingga mengeluarkan hasil sa-bagai yang di-kehen-daki.

Memilih dan menyediakan tapak perkebunan dalam bahagian ini elok-lah tanah pasir hitam atau tanah liat kehitam2an yang tidak keras dan senang mengerjakan.

BATAS YANG TERATOR

Ladang2 atau kawasan itu hendak-lah di-tebas, manakala selesai pekerjaan menebas hendak-lah di-tunggu sa-hingga kayu2 atau rumput2 itu kering baharu-lah di-bakar.

Sa-telah di-bakar, maka hendak-lah di-mulakan pekerjaan membalekkan dan menggemborkan tanah serta membuang akar2 kayu, tunggul2 dan lain2.

Sa-sudah di-gembor dan di-balekkan elok-lah di-biarkan begitu sahaja kira2 sa-lama 2 minggu supaya menghilangkan asam2an (acid) dalam kandungan tanah itu.

Batas yang terator dan sempurna ada-lah mengikut peratoran dan sukatan yang tertentu, ia-itu panjang-nya 25

Pada keluaran kali ini kita siarkan sa-buah renchana mengenai perusahaan tanaman sayor2an yang di-tulis oleh sa-orang pegawai luar dari jabatan pertanian Brunei.

Beliau itu ia-lah Inche Hanafi Mohamed Daud, menghuraikan serba sedikit mengenai perusahaan tersebut mengikut pandangan-nya.

kaki, lebar-nya 4 kaki dan tinggi-nya sa-kaki.

Batas2 hendak-lah di-tiruskan bahagian atas-nya. Parit2 ada-lah perlu di-perbuat di-antara batas sa-luas lebeh kurang sa-kaki. Sa-buah parit

Keadaan batas2 di-kehen-daki chukup gembor sa-belum menanam apa2 tanaman dan hendak-lah di-taborkan kapor pada batas2 itu sa-banyak lebeh kurang sa-pound pada sa-batas supaya menghi-



Kalau keperluan pokok2 tanaman itu selalu di-beri dengan sa-chukup-nya maka kesuburan-nya memuaskan seperti gambar tanaman kacang panjang di-atas.

besar hendak-lah di-perbuat sa-besar lebeh kurang 3 kaki dan dalam-nya 2½ kaki, tujuan-nya parit besar itu ada-lah untuk aliran ayer dari parit2 batas tadi.

langkan asam2an dalam tanah.

Chara2 menanam sayor2an jenis ini boleh-lah di-tanam terus ka-batas dengan tidak payah bersemai lagi, kechuali tanaman yang perlu di-semaikan lebeh dahulu.

CHARA BERTANAM

Bagi pokok2 jenis kacang yang batang-nya membelit, pokok2 petola dan timun boleh-lah di-tanam terus ka-batas seperti di-sebutkan.

Jarak menanam tanaman ini ia-lah yang elok-nya 1½ kaki bagi sa-pokok dan biji2 itu hendak-lah di-rendamkan lebeh dahulu sa-lama lebeh kurang 12 jam supaya biji2 itu kembang.

Menanam di-batas hendak-lah di-tanam berbaris2 dan bertentangan, jarak-nya dari tepi batas hendak-lah lebeh kurang 6 inchi dan di-beri berlobang agak dalam-nya satu inchi, kemudian baharu-lah di-tanam biji2 itu 2 atau 3 biji pada sa-lobang.

Manakala telah di-dapati chembah kesemua-nya, hendak-lah di-buang sa-pokok biar-lah 2 pokok sahaja pada sa-lobang, biji2 itu akan mulai chembah sa-lama 2 atau 3 hari sa-lepas di-tanam.

Pokok2 yang baharu tumbuh ada-lah berkehendakkan jagaan yang baik supaya ter-jauh daripada serangan musuh2 seperti ulat2, belalang dan burung2.

Pokok2 ini akan beransor2 besar manakala berumur lebeh kurang 14 hari, pokok2 jenis membelit ini hendak-lah di-buat kayu turus supaya menolong pokok2 itu dapat membelit dan berdiri mengikut turus tadi, panjang turus tersebut hendak-lah lebeh kurang 5 kaki.

Jagaan pada pokok2 tanaman ini ada-lah mustahak di-lakukan umpama-nya pada musim hujan dan panas. Kalau musim hujan sudah tentu anak2 pokok tanaman itu kerap mendapat ayer, dari itu harus-lah selalu lakukan pekerjaan menggemborkan batas2 supaya melekasakan ayer itu meresap ka-dalam tanah.

Begitu juga bilamana musim panas, anak pokok tanaman itu berkehendakkan ayer pula, dalam hal ini hendak-lah berhati2 mengawal dan menjaga-nya.

MEMBERSEHKAN BATAS2

Rumput2 jangan-lah di-biarkan tumbuh di-batas2, kerana rumput2 itu tadi menghalangi kehidupan pokok2 tanaman tersebut kerana merebut zat2 kandungan tanah itu, dari itu pekerjaan membersehkkan dan merumput batas2 ada-lah juga mustahak di-lakukan.

Masa pokok2 tanaman itu mengeluarkan hasil ada-lah bergantung kepada kesuburan pokok2 itu. Tetapi yang biasa-nya bila sudah berumur enam minggu mulai-lah mengeluarkan bunga2 untuk menjadi buah, lebeh kurang berumur 2 bulan pula ia akan mengeluarkan hasil yang pertama.

Tetapi buah-nya yang pertama ini ada-lah kurang baik dan tidak begitu besar, buah kali yang kedua dan ketiga ada-lah chukup baik dan besar kerana perbekalan baja dan chara jagaan ada-lah lebeh baik dan terator.

PENDAPATAN HASIL

Hasil2 yang lazim boleh di-dapati pada sa-batas lebeh kurang 50 atau 60 kati, pokok2 ini hanya berumur lebeh kurang tiga bulan.

Baja ada-lah mustahak bagi pokok2 tanaman terutama bagi tanah yang miskin dengan kandungan zat, umpama-nya tanah yang telah lama di-buka dan selalu di-gunakan.

(Bersambung)



Inche Abdul Ghafer bin Uni, Inche Ibrahim bin Lamit, Inche Nicholas Chong dan Inche Jamil bin O.K.S.B. Haji Mohamed Daud dari kiri ke-kanan dalam gambar ini dari Jabatan Pertanian Brunei telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk berlatih sa-lama sa-bulan dalam berbagai2 lapangan mengenai hal ehwal pertanian. Beliau2 itu telah balek ka-Brunei pada hari lthnin yang lalu.

RAPAT UMUM BARISAN BUROH-PARTAI RAKYAT

BANDAR BRUNEI.—Beribu2 orang pegawai2 dan anggota2 Barisan Buroh Bersatu Brunei dan Partai Rakyat Brunei Kalimantan Utara telah menghadiri satu rapat umum bersama di kawasan tanah lapang berhadapan pasar di-sini pada pagi hari Sabtu yang lalu.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-rapat umum tersebut oleh Saudara A. M. Azahari Mahmud sa-laku Penasehat 4B dan Ketua Umum Partai Rakyat Brunei dan juga oleh Inche Arshad Marsal, Yang Di-pertua 4B.

Saudara Azahari telah mengumumkan dengan rasmi-nya di-rapat umum tersebut bahawa beliau memegang sa-mula jawatan sa-bagai Ketua Umum, Partai Rakyat Brunei mulai pada pukul 9.17 minit pagi hari tersebut sa-telah meletakkan jawatan-nya tidak berapa lama dahulu.

Dalam rapat umum itu Saudara Jasir Effandy, Setia Usaha Agong Partai Rakyat Brunei dan Inche A. Hapidz Laksamana, Setia Usaha Agong 4B telah membaca penyata2 bersama yang dibuat oleh kedua2 pertubohan tersebut.

Pepereksaan

Penda'wa H.A.U.

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan untuk orang2 yang telah mendaftarkan nama bagi jawatan Penda'wa Hal Ahwal Ugama, Brunei akan di-adakan di-bilik meshuarat Pusat Kemasharakatan di-Bandar Brunei pada hari Ithnin 26 June mulai dari pukul 8 pagi.

Orang2 tersebut ia-lah:

Inche Hidup bin Haji Ya'akub, Kampong Petagian, Kota Batu, Brunei; Haji Mohamed Tarif bin Pehin Seri Wangsa Haji Mohamed, Kampong Peramu, Brunei; Inche Metusin bin Haji Ibrahim, Kampong Sungai Kianggeh, Brunei; Awang Mohaimin bin Dato Imam Haji Mokti, Kampong Burong Pingai Berakas; Inche Mohamed Asha'ari bin Haji Mohamed Salleh, Sekolah Ugama, S.M.J.A., Brunei; Inche Mohamed Yunus bin Suhaili, Kuala Belait.

Inche Abdul Samad Mohamed Tarif, Kampong Kiulap, Brunei; Inche Puteh bin Jukin, Sekolah Ugama, S.M.J.A., Brunei; Awang Mansor bin Awang Jeludin, Kampong Sungai Kedayan, Brunei; Inche Abdul Ghafor bin Haji Mohamed Salleh, Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei; Inche Mohamed Jais bin Abas, Kampong Kiarong, Brunei.

Awangku Salleh bin Pengiran Damit, Guru Sekolah Ugama, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Brunei; Inche Ahmad bin A. Razak, Guru Sekolah Ugama, Anthonv Abell College, Seria; Inche Emran bin Abdul Aii, Kampong Sungai Matan, Brunei dan Inche Mohamed Tahir bin Pehin Udana Khatib Haji Umar, Kampong Sungai Kedayan, Brunei.

sebut.

Penyata2 bersama itu telah di-sahkan dengan sa-bulat suara oleh pegawai2 dan anggota2 kedua2 pertubohan yang menghadiri rapat umum itu.

Saudara Azahari telah menguap sa-tiap2 ketetapan tersebut dengan mengambil masa hampir2 dua jam.

SAMBUTAN HARI JADI QUEEN

(Dari Muka 1)

dan di-ra'ikan dengan jamuan minum dan kueh.

Pancharagam Pulis Brunei telah bermain lagu2 yang merdu dan suka-ramai di-majlis itu.

Sa-belum para hadirin berpisah, sakalian-nya telah berdiri dan minum untuk memberi selamat kepada Baginda Queen, dengan di-dahului oleh Tuan D.C. White.

Pada petang hari tersebut Tuan D.C. White dengan diiringi oleh Juru-Iring-nya Tuan W. J. Parks telah berangkat ka-Kuala Belait untuk menghadiri istiadat berbaris kerana menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Queen.

MAJLIS JAMUAN

Pasokan2 yang mengambil bahagian dalam istiadat tersebut ia-lah Pulis Brunei, Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak Field Force, Oilfield Security Force, Palang Merah, Pandu Puteri, Penga-

Pegawai2 Kerajaan Brunei yang melawat ka-padang minyak Seria baharu2 ini. Dari kiri — Inche Md. Ali Tamin, Inche Mohamed Noor, Inche Michael Chin, Inche Mahayuddin dan Inche Nordin bin Abdul Latif.



BALEK KA-TANAH AYER



Empat orang pelajar2 dari Brunei yang melanjutkan pelajaran di-Azhar University, Kaheerah kelihatan di-bangunan lapangan terbang Brunei pada masa ketibaan mereka dari Kaheerah untuk berchuti di-sini.

Dari kiri — Inche Mahalle bin Haji Abdullah, Abdul Hamid bin Mohamed Daud, Abdul Rahman bin Khatib Abdullah dan Md. Zain bin Hj. Serudin.

kap dan juga Pancharagam Pulis Brunei.

Satu majlis jamuan telah di-adakan di-Kuala Belait Recreation Club untuk para tetamu dan orang2 yang mengambil bahagian dalam istiadat berbaris itu sa-lepas tamat istiadat tersebut. Istiadat minum untuk memberi selamat kepada Baginda Queen, dengan di-dahului oleh Yang Terutama Tuan Pesuroh Jaya Tinggi telah di-adakan di-majlis itu.

Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di-akhiri pada malam hari tersebut dengan mengadakan "Malam Commonwealth" bertempat di-Panaga Club, Seria, dan di-Klab itu juga telah di-adakan satu istiadat minum untuk memberi selamat kepada Baginda Queen dengan di-dahului oleh Tuan D.C. White.

LAWATAN PEGAWAI2 KERAJAAN KA-PADANG MINYAK

BANDAR BRUNEI. — Sa-rombongan lima orang yang terdiri dari pegawai2 Kerajaan telah melawat kawasan padang minyak di-Seria atas undangan pehak Sharikat Minyak Shell Brunei pada 13 June lepas.

Mereka itu ia-lah Inche Mahayuddin bin Mohd. Zain dari Pejabat Tanah, Inche Noordin bin Abd. Latif dari Jabatan Pelajaran, Inche Michael Chin dari Radio Brunei Inche Mohd. Noor dari Jabatan Bandaran dan Inche Mohd. Ali bin Tamin dari Jabatan Penerangan Negara.

Sa-lama lebih kurang tujuh jam di-kawasan padang minyak, rombongan tersebut telah dipandu oleh pegawai2 perhubungan raya sharikat yang terdiri dari Tuan B. Levick, Yang Berhormat Pengiran Bahar dan Inche Cheah Tat Kheam.

Rombongan itu telah melawat ka-tempat pameran minyak dan di-beri penerangan chara2

pengorekan minyak, hasil2 pendapatan minyak tiap2 tahun, prosis minyak dari bumi hingga merupakan jenis2 minyak bersejah yang kita pakai pada tempat2 yang tertentu, dan melawat pelantar pengorekan minyak M.P. "E." dan lain2.

Sa-lain dari itu rombongan itu juga di-bawa menyaksikan sa-buah telaga minyak yang sudah tidak di-harapkan penghasilannya sedang di-kerjakan untuk mendapatkan hasil yang baharu dengan chara di-tuhorkan pegorekan telaga tersebut kalau2 lapisan tanah itu di-dapati sumbar minyak.

Tuan Levick berkata bahawa harapan Sharikat itu telah tipis untuk menambah penghasilan minyak di-darat kerana beberapa penchubaaan telah di-buat tetapi tidak berhasil melainkan harapan sharikat hanya pengorekan minyak di-bahagian laut sahaja.

Dalam pada itu beliau menjelaskan bahawa sunggoh pun bagitu hasil minyak dari perut bumi Seria tidak akan habis dalam jangka 30 tahun lagi.

Persekutuan Perkembangan Pertanian

BANDAR BRUNEI. — Kemunduran dan kemajuan sa-sabua negara ada-lah sa-mata2 bergantung kepada kerjasama dan bersatu padu yang erat dari kalangan penduduk2 negara, khas-nya ia-lah kaum peladang.

Tegās-nya sa-sabua negara itu ada-lah bergantung pada maju dan mundur-nya "perekonomian-nya". Dan Perekonomian pula ada-lah bergantung salah satu-nya kepada "pertanian"; kerana pertanian ada-lah umpama tulang belakang sa-sabua negara.

Demikian telah di-tegaskan oleh Inche Suhaimi bin Haji Ismail Pegawai Pertanian Brunei dalam majlis menaja penubuhan Persekutuan Perkembangan Pertanian Negara Brunei yang berlangsung baharu2 ini di sini yang di-hadiri oleh 48 orang Penghulu2 dan Ketua2 Kampung.

Inche' Suhaimi berkata:

"Keadaan masyarakat hidup manusia di-zaman ini ada-lah sentiasa menuju ka-arrah matalamat kemajuan terutama dalam lapangan "perekonomian", apa lagi pada masa ini sesuai dengan maksud dasar kerajaan kita hendak memperluas dan memperkembangkan perekonomian di-negara kita ini.

"Salah satu jalan untuk bekerja sama dan bersatu padu, inihlah suatu anjoran dari Jabatan Pertanian Negara Brunei untuk menubuhkan sa-buah persekutuan Perkembangan Pertanian Negara Brunei."

Menjelaskan dasar2 persekutuan yang akan di-tubuhkan itu, Inche' Suhaimi berkata bahawa keseluruhan-nya ia-lah untuk membimbing seluruh petani2 di-tanah ayer supaya bersatu padu dalam melaksanakan tugas sebagai petani supaya benar2 berguna untuk kemajuan negara dan bangsa.

Antara garis besar-nya dasar persekutuan tersebut ia-lah:

- ◆ Untuk menambah bahan2 pertanian;
- ◆ Menyokong Kerajaan dalam soal perkhidmatan-nya terhadap pertanian;
- ◆ Mempelajari dan menggalakkan kerjasama, projek dan pasaran;

- ◆ Menggalakkan untuk mengadakan pimpinan di-luar bandar;
- ◆ Menggalakkan perusahaan di-luar bandar;
- ◆ Menyokong dasar2 Kerajaan bagi mengatasi kesulitan2 peladang dalam hal perkembangan masyarakat;
- ◆ Menyokong Kerajaan untuk memperbaiki kesihatan dan kesejahteraan di-luar bandar;
- ◆ Perkembangan yang mustahak bagi penduduk2 di-luar bandar;
- ◆ Untuk menjamin taraf hidup penduduk2 kampung dan seluruh-nya.

Akhir-nya Inche' Suhaimi menjelaskan bahawa jika dasar2 ini berjalan dengan lancar maka sudah tentu taraf hidup bagi seluruh penduduk negara kita ini akan terjamin dan keamanan dan kemakmoran akan tercapai.

SAMBUTAN HARI JADI QUEEN DI-R.B.Y.C.

BANDAR BRUNEI. — Royal Brunei Yacht Club telah menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Queen dengan mengadakan satu majlis tari menari di-rumah persatuan itu baharu2 ini.

Dalam majlis tersebut Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed, Yang Dipertua, Royal Brunei Yacht Club telah minta para hadirin minum untuk memberi selamat kepada Baginda Queen.

Yang Terutama Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-sini pula telah meminta semua orang yang hadir di-majlis itu minum untuk memberi selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin.

PERUSAHAAN MEMBUAT PERKAKAS2 RUMAH DI-BRUNEI

BERAKAS — Sa-buah perusahaan yang di-usahkan oleh sa-orang Melayu telah di-dirikan di-Kampung Burong Pinggai Baru di-sini sejak dua tahun dahulu dengan mendapat kunjangan yang agak memuaskan dari pada pelanggan.

Perusahaan tersebut ia-lah membuat perkakas2 rumah, peralatan dalam rumah seperti kerusi, meja, almari, katil dan sa-bagai-nya.

Perusahaan itu di-kendalikan oleh Inche Md. Salleh bin Ibrahim sa-orang Melayu sa-chara persaoangan pada mula-nya telah menjadi sa-buah perusahaan yang boleh di-ketengahkan seperti perusahaan2 asing.

Pada masa ini perusahaan tersebut telah mempunyai para pekerja sa-ramai lima belas orang yang terdiri dari orang2 Melayu dan China.

Inche Md. Salleh telah membayangkan tentang pahit getir yang telah di-tempoh-nya sa-be-

lum berjaya mengusahakan perusahaan tersebut.

"Membuat perusahaan seperti ini haruslah mempunyai kecekalan hati dalam menempoh berbagai2 dugaan yang mungkin membuntukan hati kita untuk meneruskan-nya.

"Tetapi dengan bantuan pehak kerajaan, maka usaha saya ini yang pada mula-nya saya duga akan menempoh kelompokan-nya dapat-lah bangun kembali sa-bagai sa-buah perusahaan yang ada sekarang ini," kata Inche Salleh.

Sa-hingga sekarang ini bangunan perusahaan tersebut yang hanya merupakan sa-buah bangsal telah penuh sesak dengan kerusi meja dan lain2 peralatan dalam rumah yang di-tempahkan oleh orang ramai dan kerajaan.

Mengemukakan harapan-nya Inche Salleh berkata bahawa ada kemungkinan perusahaan ini akan di-buka lebeh besar lagi kira-nya mendapat bantuan yang sa-chukup2-nya dari kerajaan.

Sa-belum membuka perusahaan ini Inche Salleh telah berkhidmat dalam sa-buah perusahaan samupama ini yang di-usahkan oleh Fong Fock Choon sa-lama lebeh kurang empat tahun.

Dari pengalaman2-nya sa-lama empat tahun ini-lah yang mendorong beliau untuk membuka perusahaan sendiri seperti yang ada sekarang ini.

Menurut Inche Md. Salleh, sa-lain dari membuat peralatan daripada kayu biasa, perusahaan-nya juga telah menubuhkan membuat sa-biji dua meja modern yang berbagai bentuk daripada sa-jenis kayu hutan yang berduri ia-itu "nibong".

PERADUAN PERARAKAN LAUT

BANDAR BRUNEI. — Peraduan perarakan laut bagi sambutan lawatan Duli2 Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong akan di-adakan di-Sungai Brunei pada malam 3 July hadapan.

Hadiah yang pertama ia-lah sa-banyak \$300, kedua sa-banyak \$250 dan ketiga \$200.

Sa-lain daripada itu wang2 sagu hati juga akan di-berikan.

Sharat2 peraduan ini ada-lah seperti di-bawah ini:

1. Tidak boleh membuat chogan kata. 2. Tidak di-benarkan memakai lampu elektrik. 3. Mesti-lah menggunakan minyak gas. 4. Lampu2 tidak boleh dipasang sa-belum mendapat hukuman. 5. Semua peserta2 mesti-lah berhenti di-hadapan Tambatan Kastam, Bandar Brunei.

Peserta2 di-ma'alomkan bahawa mereka mesti-lah mengikut peraturan Jawatan Kuasa peraduan tersebut dan segala keputusan hakim2 ada-lah keputusan muktamat.

Permohonan2 hendak-lah di-hantarkan kepada Pengerusi, Peraduan Perarakan Laut Sambutan Lawatan D.Y.M.M. Yang Dipertuan Agong ka-Brunei, di-Bandar Brunei tidak lewat dari hari Khamis 29 June, 1961.

Gambar menunjukkan Inche Md. Salleh (memakai baju ke-meja) sedang menolong salah sa-orang pekerja-nya menyiapkan salah satu peralatan untuk kegunaan pejabat kerajaan.



PERTANDINGAN SUKAN SEKOLAH2 SELUROH NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait telah berjaya menjadi johan bahagian murid2 yang termuda dalam pertandingan akhir sukan sekolah2 di-padang Bandar Brunei.

Pertandingan itu telah diadakan pada hari Ahad 11 June yang lalu di-bawah anjoran Persatuan Sukan Negeri Brunei. Gelaran johan bahagian murid2 perempuan telah di-menangi oleh Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei, manakala Sekolah Saint Michael, Seria pula telah menjadi johan bahagian murid2 yang tertua.

Pertandingan itu di-mulai dengan semua ahli2 pasukan2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut berlari perlahan2 di-keliling padang dan memberi tabek kehormatan kepada Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Dipertua, Persatuan Sukan Negeri Brunei.

Sa-banyak 20 rekod2 yang baharu telah di-chiptakan dalam pertandingan tersebut.

Sekolah2 yang menjadi naib2 johan dan mendapat gelaran2 yang ketiga dalam bahagian tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

NAIB2 JOHAN

Bahagian murid2 yang termuda: Naib johan — Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei. Gelaran yang ketiga Anthony Abell College, Seria.

Bahagian murid2 perempuan: Naib johan — Sekolah Saint Angela Convent. Gelaran yang ketiga — Sekolah Menengah China Chung Hwa, Bandar Brunei.

Bahagian murid2 yang tertua: Naib johan — Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei. Gelaran yang ketiga — Sultan

Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei.

Sa-telah tamat segala pertan-

kan tahniah kepada pasukan2 yang berjaya dan terima kasih kepada semua orang yang telah bekerjasama bagi menjayakan pertandingan tersebut.

"Saya berharap moga2 tidak berapa lama lagi, Bandar Brunei akan mempunyai stadium sukan-nya sendiri yang mana saya



Ahli2 pasukan Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei kelihatan berlari perlahan2 dalam istiadat pembukaan Sukan Sekolah2 Sa-Negeri Brunei di-padang Bandar Brunei pada 11 June yang lalu.

dingan, satu ucapan yang berharga telah di-lafadzkan oleh Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Dalam ucapan-nya itu Pengiran Momin telah menguchap-

perchaya akan dapat meninggi-kan lagi taraf sukan di-Bandar Brunei ini", tegas lagi Pengiran Momin.

Yang Mulia Datin Zubaidah, isteri kepada Yang Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang telah berjaya dalam pertandingan sukan tersebut.

Menang Semua Pertandingan

BANDAR BRUNEI. — Pasokan tempatan telah mengalahkan pasukan2 dari kapal penyapu periok api Tentera Laut Diraja Inggeris H.M.S. Houghton dan

Bola Sepak:

BRUNEI SPORTS CLUB MELAWAN JESSELTON

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Bola Sepak Brunei Sports Club telah menang satu perlawanan dan seri satu perlawanan bola sepak dengan pasukan2 bola sepak Jesselton di-Jesselton pada 9 dan 10 June yang lalu.

Pada 9 June Brunei Sports Club telah mengalahkan Pasokan Kesatuan Jesselton dengan 2 gol tidak berbalas.

Edmund Keasberry menjaringkan gol yang pertama dan Samri Ajamain menjaringkan gol yang kedua bagi pasukan Brunei Sports Club.

Perlawanan yang kedua di-antara Brunei Sports Club dan Pasokan Champoran J'ton, berkesudahan seri — 2 gol berbalas 2.

MENJARINGKAN

Abdullah Ja'afar dan Zainal Abidin menjaringkan satu gol sa-saorang bagi pasukan dari Brunei. Francis Rajah menjaringkan kedua2 gol untuk Pasokan Champoran Jesselton.

Pemain2 penyokong2 Pasokan Bola Sepak Brunei Sports Club berjumlah 39 orang telah belayar ka-Jesselton dengan kapal "Nakhoda Manis" pada pukul 7 malam 8 June dan tiba di-sana 15 jam kemudian. Mereka telah sampai balek di-Brunei dengan kapal tersebut juga pada pukul 11 malam 11 June.

Rombongan itu di-ketuai oleh Inche Weston Keasberry, manakala Inche Johnny Marcus menjadi pemimpin Pasokan Bola Sepak Brunei Sports Club.

SUKAN-DAERAH2 BRUNEI-BELAIT

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 sukan di-Daerah Brunei telah masuk bertanding dalam pertandingan sukan di-padang bandar ini pada petang hari Ahad yang lalu.

Pada petang hari tersebut telah juga di-adakan satu pertandingan sukan terbuka kepada peserta2 di-Daerah Belait.

Pertandingan2 itu di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Sukan Negeri Brunei.

Peserta2 yang berjaya dalam

pertandingan2 tersebut akan mengambil bahagian dalam pertandingan untuk menentukan johan2 sa-negeri ini di-padang Shell Recreation Club, Seria pada petang hari Ithnin 3 July akan datang.



Pemain2 pasukan bola sepak Bandar Brunei dan Tentera Laut Diraja Inggeris, H.M.S. Houghton — H.M.S. Dartington bergambar ramai sa-belum di-adakan satu pertandingan persahabatan di-padang Bandar Brunei baharu2 ini. Berdiri di-kanan sa-kali ia-lah Pengiran Puteh, pengadil pertandingan tersebut.

H.M.S. Dartington dalam pertandingan2 bola sepak, hokey dan kriket sa-chara persahabatan.

Pasokan Bandar Brunei telah mengalahkan pasukan Tentera Laut Diraja itu dengan 6 gol tidak berbalas.

Dalam satu lagi pertandingan bola sepak, pasukan Kerajaan Brunei telah mengalahkan pasukan Tentera Laut tersebut dengan 8 gol berbalas 2.

Pasokan Tentera Laut itu telah di-kalahkan oleh pasukan Bandar Brunei dengan 2 gol berbalas 1 dalam pertandingan hokey.

Pertandingan yang akhir sa-kali di-antara pasukan para pelawat itu dengan pasukan tempatan ia-lah pertandingan kriket. Dalam pertandingan itu Bandar Brunei telah mengalahkan para pelawat itu dengan 2 wicket.

COMMONWEALTH NEGARA2 ISLAM

KUALA LUMPUR. — Tuan Syed Ahmad Jamalullail, Timbalan Ketua Perwakilan Persekutuan Tanah Melayu di-Pakistan, menyatakan shor Tengku itu mendapat perhatian dan sambutan baik di-Pakistan.

"Orang ramai, termasuk golongan cherdek pandai di-Pakistan kebanyakan menyokong shor Tengku itu, termasuk juga akhbar2-nya.

"Presiden Ayub Khan," kata beliau, "dalam salah satu ucapan-nya pernah menyatakan pendapat-nya sendiri, menyokong shor Tengku itu.

MENJUMPAI FAMILI

Tetapi Tuan Syed Ahmad menjelaskan bahawa Kerajaan Pakistan belum mengeluarkan kenyataan rasmi mengenai pembentokan Commonwealth negara2 Islam itu.

Tuan Syed Ahmad sekarang berada di-Persekutuan kerana chuti hingga akhir bulan ini. Beliau pulang untuk menjumpai famili-nya.

Menurut beliau keadaan di-Pakistan, sejak di-bawah pimpinan Presiden Ayub Khan banyak berlaku perubahan, terutama mengenai ranchangan perkampungan orang2 pelarian di-Korangi dan Landi.

"Di-Korangi, yang sudah merupakan sa-buah bandar yang besar, terkumpul kira2 500,000 orang pelarian dari India bila Pakistan mencapai kemerdekaannya.

KEADAAN CHUACHA

Hawa di-Pakistan (Karachi) pada umum-nya lebih baik daripada di-Jedah, kata beliau, tatkala membandingkan keadaan chuacha tempat itu dengan Saudi Arabia di-mana beliau pernah menjadi Ketua Perwakilan Malaya, sa-belum ka-Pakistan.

"Harga2 ayam, daging, ikan dan udang murah. Tetapi gula sa-kati kira2 \$1.65 sen dan kelapa, mithal-nya, sa-butir berharga \$2.80.

Tugas yang di-jalankan oleh pegawai2 perwakilan Malaya di-Pakistan, menurut beliau, sangat

sibok mengingat di-negeri itu ada kira2 47 perwakilan asing.

Beliau menjelaskan di-Pakistan terdapat kira2 50 orang pelajar Malaya antara-nya kira2 30 orang pegawai haiwan di-Decca, 12 di-Lahore, sa-orang di-Hyderabad dan sa-orang di-Karachi.

Tuan Syed Ahmad menyatakan beliau akan pergi menjonggi pelajar2 Malaya itu setelah kembali-nya dari Persekutuan nanti, kerana sa-lama empat bulan beliau di-sana "Saya belum sempat dan berpeluang melawat mereka."

Perwakilan Malaya di-Karachi, yang di-tubuhkan sejak tahun Merdeka, mempunyai 12 orang pegawai—4 pegawai Persekutuan dan sa-lebih-nya pegawai tempatan.—B.M.

INDONESIA MENANG PIALA THOMAS

JAKARTA — Indonesia telah mengalahkan Thailand dalam pertandingan akhir badminton Piala Perak Thomas di-sini pada 10 dan 11 June yang lalu dengan 6 perlawanan berbalas 3.

Dengan kemenangan-nya itu Indonesia telah dapat menyandang gelaran kejohanan badminton sa-dunia pada kali yang kedua berturut2.

Indonesia telah mulai menjadi johan badminton sa-dunia apabila ia mengalahkan Malaya.

Indonesia telah menang 5 perlawanan sa-orang dan 1 perlawanan bergu. Thailand pula telah menang 3 perlawanan bergu sahaja.

Doktor Djuanda Kartawidjaja, Pemangku Presiden Republik Indonesia telah menyampaikan Piala Perak Thomas kepada pasukan yang menang itu. Isteri Doktor Djuanda pula telah menyampaikan pingat2 kepada tiap2 orang yang mengambil bahagian dalam pertandingan badminton tersebut.

Keputusan penoh pertandingan itu ada-lah seperti di-bawah ini:

Perlawanan2 sa-orang — Tan Joe Hock (Indonesia) mengalahkan Channarong Ratanasaeng-

suang (Thailand) dengan 15-9 dan 15-5. Ferry Sonnevile (Indonesia) mengalahkan Samsook Boonyasukanon (Thailand) dengan 15-3 dan 15-11. Ferry Sonnevile (Indonesia) mengalahkan Channarong Ratanasaengsuang (Thailand) dengan 15-9 dan 15-4. Eddy Yusuf (Indonesia) mengalahkan Narong Bhornonina (Thailand) dengan 18-14 dan 15-7. Tan Joe Hock (Indonesia) mengalahkan Samsook Boonyasukanon (Thailand) dengan 15-2 dan 15-5.

Perlawanan2 bergu — Narong Bhornchina dan Rapi Kanchanraphi (Thailand) mengalahkan Tan Joe Hock dan Lie Po Djan (Indonesia) dengan 15-7 dan 15-13. Chavalert Chumkam dan Chuchart Watanatham (Thailand) mengalahkan Njoo Kim Bie dan Tan King Gwan (Indonesia) dengan 12-15 dan 17-14, di-sebabkan Kim Bie dan King Gwan telah tidak dapat meneruskan perlawanan pusingan yang ketiga. Narong Bhornchina dan Rapi Kanchanraphi (Thailand) mengalahkan Ferry Sonnevile dan Tan King Gwan (Indonesia) 15-13, 13-15 dan 15-5. Tan Joe Hock dan Lai Po Djan (Indonesia) mengalahkan Chavalert Chumkam dan Chuchart Watanatham (Thailand) 15-5 dan 18-17.

GETAH BORNEO UTARA

JESSELTON. — Borneo Utara telah menghantarkan ka-luar negeri sa-banyak 1,111,829 tan getah dalam bulan May tahun ini.

Negeri yang banyak sa-kali membeli getah dari Borneo Utara

ia-lah Negeri Jepun, ia-itu sa-banyak 430,000 tan dalam bulan tersebut.

Sa-banyak 188,942 tan getah telah di-hantarkan ka-Singapura, 139,471 tan ka-United Kingdom dan baki-nya ka-lain2 negeri.

HARI JADI BAGINDA QUEEN



Tengkorak2 Kering

INGINKAH PEMBA-
CHA2 MELIHAT GAM-
BAR TENGGORAK2 KE-
RING DAN DI-TEMPAT
MANAKAH DALAM NE-
GERI BRUNEI DI-DAPA-
TI TENGGORAK2 ITU?
LIHAT-LAH DALAM PE-
LITA BRUNEI KELUAR-
AN AKAN DATANG.



Gambar di-atas — satu pemandangan di-Kuala Belait pada masa di-langsungkan istiadat berbaris. Gambar2 di-bawah ia-lah di-Bandar Brunei.